



**IKLAN PENGAMBILAN
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S5
JABATAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S5

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)
Bayaran Gaji : RM1,650.00 Minima
Bilangan Jawatan : Tiga (3)
Penempatan : Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan

DESKRIPSI TUGAS

1. Menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan masjid, akidah, halal, undang-undang Syariah, Baitulmal dan penguatkuasaan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat principal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.
[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,650.00]; atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,650.00]; atau
 - iii. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan pada Gred S5: RM1,893.00]
 - iv. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan:

4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang pentadbiran, kefatwaan dan penyelidikan
5. Penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
6. Mempunyai kemahiran dalam bidang ICT dan Multimedia

CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Khidmat Sokongan

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
(u.p: Puan Maslinda Binti Abdul Majid)

2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan: 30 JANUARI 2026